



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 05/10

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN
DI SEKITAR DAERAH BINTULU, SARAWAK**

BINTULU, 21 Oktober 2023 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di sekitar Daerah Bintulu yang turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YBrs Encik Sophian Isswandy bin Ismail dan Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sarawak, Mejar Pahot anak Joll.

PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke atas veteran ATM serta waris tanggungan yang mengalami sakit kritikal serta memerlukan rawatan. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan kepada veteran yang diziarahi. Lawatan kebajikan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini dimulai dengan mengunjungi veteran ATM berpencen iaitu Encik Mohd Norizan bin Dahalan berusia 61 tahun di Kampung Sebulan Besar. Veteran yang merupakan bekas anggota berpangkat Pegawai Waran II pernah berkhidmat di dalam Kor Perkhidmatan Am (Bahagian Kerani) selama 22 tahun. Veteran mempunyai seorang anak lelaki hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Salmah binti Yusup yang berusia 52 tahun. Veteran yang menghidap sakit jantung, kanser usus dan strok tersebut merupakan penerima bantuan peralatan pesakit iaitu kerusi roda dan katil hospital.

Seterusnya, lawatan kebajikan diteruskan ke rumah balu kepada veteran ATM tidak berpencen, Allahyarham Sarfaraz Khan di Kampung Sebulan Besar iaitu Puan Nor Ain binti Abdullah @ Yeap Soo Kiat berusia 73 tahun yang mengalami patah pinggul kerana rebah di lantai. Balu veteran mempunyai 2 orang anak lelaki dan merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM 300.00 sebulan. YB Timbalan Menteri Pertahanan kemudiannya mengunjungi rumah veteran ATM berpencen yang pernah terbakar pada tahun 2018 iaitu Encik Kamal bin Lamat, berusia 79 tahun juga di kampung yang sama. Rumah yang didiami kini adalah dibina atas bantuan kerajaan negeri. Veteran mempunyai 8 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Rosmah binti Sulak yang berusia 58 tahun.

Lawatan kebajikan diteruskan dengan menziarahi veteran ATM tidak berpencen iaitu Encik Zana bin Satong, berusia 71 tahun di Lorong 1C Sebulan Besar, Jepak. Veteran yang merupakan bekas anggota berpangkat Prebet pernah berkhidmat di dalam Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) selama 4 tahun. Veteran mempunyai 3 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Mejenah binti Abang Samsudin berusia 66 tahun. Veteran sebelum ini merupakan penerima bantuan baik pulih rumah di bawah Program Inisiatif Perumahan JHEV ATM pada tahun 2022.

YB Timbalan Menteri Pertahanan kemudiannya mengunjungi rumah veteran ATM tidak berpencen di Kampung Jepak iaitu Encik Drahman bin Matusen, berusia 68 tahun yang sedang mengalami keuzuran. Veteran mempunyai 4 orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Seminah binti Sulla yang berusia 69 tahun. Veteran yang pernah berkhidmat di dalam RAMD selama 13 tahun dicadangkan sebagai penerima bantuan baik pulih rumah di bawah Program Inisiatif Perumahan JHEV ATM bagi peruntukan tahun 2024.

Seterusnya, lawatan kebajikan diteruskan ke rumah veteran ATM tidak berpencen iaitu Puan Norhayati binti Abdul Hamid berusia 44 tahun juga dari Kampung Sebulan Besar. Veteran yang telah bercerai dengan bekas suaminya pada tahun 2010 terpaksa menanggung semua perbelanjaan anaknya seramai 2 orang sehingga kini. Veteran yang merupakan bekas anggota berpangkat Prebet pernah berkhidmat di Kem 9 Briged, Sibu selama 15 tahun telah dicadangkan sebagai penerima rumah bina baharu bagi tahun 2024.

YB Adly kemudiannya meneruskan program dengan menziarahi balu kepada veteran ATM tidak berpencen, Allahyarham Suee bin Hossin di Kampung Jepak Sebulan Kecil iaitu Puan Minah binti Susup berusia 65 tahun. Seorang daripada 4 orang anaknya telah meninggal dunia dan balu terpaksa menanggung anak kepada anaknya yang telah meninggal dunia itu seramai 3 orang. Veteran telah dicadangkan sebagai penerima bantuan baik pulih rumah di bawah Program Inisiatif Perumahan JHEV ATM bagi peruntukan tahun 2024.

Veteran ATM terakhir yang diziarahi adalah balu kepada veteran ATM berpencen, Allahyarham Narawi bin Sebli di Kampung Jepak Hulu iaitu Puan Rosina binti Peri berusia 76 tahun. Balu veteran yang mempunyai 5 orang anak ini merupakan penerima bantuan baik pulih rumah di bawah Program Inisiatif Perumahan JHEV ATM pada tahun 2022.

PPV ini merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang tercicir daripada menerima insentif yang disediakan.

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan diakhiri dengan sesi dialog bersama 2 Persatuan Veteran ATM Negeri Sarawak di Dewan Serba Guna Kampung Jepak Hulu. Pada program tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah turut menyerahkan sumbangan 250 kotak Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM Negeri Sarawak untuk diagihkan kepada veteran ATM.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 3 Media (Udara), UKS, Kementerian Pertahanan, Lt Nur Hanani binti Othman TUDM di talian 019-748 0847 atau Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sarawak, Mej Pahot anak Joll di talian 016-851 8184.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
21 Oktober 2023